

Dr Mahatut jadi tokoh terhormat

Majoriti rakyat mahu bekas Perdana Menteri teruskan persaraan, berehat

MENJELANG Aidilfitri lalu, ketika media melaporkan dua tokoh penting akan bertemu, ramai yang menjangkakan negara dan bangsa Melayu akan dikurniakan hadiah istimewa hari raya dalam bentuk pengisytiharan bahawa bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan menghulurkan tangan untuk bekerjasama dan bermuafakat serta menyokong kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan harapan tegurannya sebelum ini diberi pertimbangan sewajarnya oleh Perdana Menteri.

Harapan rakyat dan bangsa Melayu hampir menjadi kenyataan apabila pada awalnya, sebaik selepas pertemuan itu, Dr Mahathir berkata beliau puas hati dengan pertemuan yang diadakan di Seri Perdana, Putrajaya itu.

Malangnya, dalam tempoh kurang 24 jam, beliau mengubah fikiran dan meneruskan kritikan terhadap Abdullah dengan nada lebih tajam, keras dan berbisa. Tidaklah diketahui mengapa begitu cepat Dr Mahathir berubah fikiran daripada nada seorang yang berpuas hati kepada nada orang yang geram dan penuh kebencian. Tidak mungkin, Dr Mahathir yang dikenali seorang pemikir strategik kini dipengaruhi dalam di sekelilingnya yang berjaya menguasai fikiran beliau, memanipulasikan fikiran serta menghasut beliau meneruskan kritikan terhadap Perdana Menteri.

Namun, ramai yang bertanya mengapa Dr Mahathir sanggup mengetepikan adat sopan santun dan tata susila bangsa Melayu sehingga sanggup mencemarkan kegembiraan Hari Raya dengan persengketaan dan perbalahan terbuka. Bukankah Syawal adalah bulan bermaaf-maafan, bukannya bulan bertelagah.

Tidakkah wajar Dr Mahathir menunggu supaya Perdana Menteri diberi sedikit masa untuk menyiasat tuduhan yang beliau lemparkan. Lainlah kalau Mahathir lampirkan bukti dan saksi mengenai campurtangan keluarga Perdana Menteri dalam urusan negara? Lengkap dengan fakta - siapa berkata, kepada siapa, tentang apa, bila dan di mana.

Dr Mahathir pastinya insaf bahawa beliau seorang negarawan tersohor lagi dihormati di serata dunia. Maka itu, perlulah

beliau meneruskan penampilan imejnya yang berhemah, bertolak ansur dan bersabar dalam menangani isu besar yang ditimbulkan. Lainlah kalau beliau sengaja mahu menjatuhkan darjat dirinya sebagai pengkritik jalanan yang menuduh melulu, pandai mencari salah dan silap tanpa fakta dan tanpa mempunyai cadangan bernas.

Seorang jurutera Melayu yang ditemui berpendapat: "Rakyat pandai menilai, isu jambatan bengkok bukanlah isu sebenar. Isunya kenapa tak tunggu untuk membina jambatan lurus. Apakah Dr Mahathir mahu generasi muda 100 tahun akan datang hidup dengan hakikat jambatan bengkok itu tanda ingatan permusuhan Dr Mahathir dan kepemimpinan Singapura." Sambung beliau lagi: "Kalau itu niat Dr Mahathir carilah mercu tanda lain dengan belanja peribadi. Janganlah membazirkan wang rakyat untuk memenuhi tujuan peribadi".

Menyanggah kata-kata Dr Mahathir bahawa masyarakat Cina tidak berpuas hati dengan situasi ekonomi negara, seorang tokoh masyarakat Cina pula berkata: "Kami sempat bertemu dengan Perdana Menteri baru-baru ini. Sepatutnya pertemuan itu sejam bagi membincangkan sumbangan masyarakat Cina terhadap ekonomi negara dan isu ekonomi semasa. Apa yang berlaku, Perdana Menteri memanjangkan waktu perbincangan sehingga mengambil masa tiga jam. Kami amat berpuas hati kerana beliau menyokong cadangan dan saranan kami terhadap beberapa pendekatan strategik bagi membolehkan masyarakat Cina memberikan sumbangan bermakna terhadap ekonomi negara sekaligus masalah dan isu yang kami hadapi akan dapat ditangani."

Ditanya apa pendapat beliau mengenai pertemuan itu: "Pak Lah ikhlas dan jujur orangnya, kami yakin beliau akan mengambil tindakan sebagaimana yang kami cadangkan." Demikian rumusan pandangan tokoh pertubuhan ekonomi Cina ini.

Justeru, ramai yang bertanya, masyarakat Cina mana yang Dr Mahathir maksudkan tidak berpuas hati dengan keadaan ekonomi negara? Penanam sayur, peniaga kecil, peruncit atau apakah masyarakat Cina yang dimaksudkan adalah nama besar usahawan Cina yang selama ini diberi projek mega berbilion ringgit pada zaman Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri?

Tindakan Dr Mahathir mempersoalkan Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood (semoga Allah mencururi rahmat ke atas rohnya) menubuhkan Yayasan Budi Penyayang sedangkan ada Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti). Kalau itu pun mahu dipersoalkan, maka rakyat pun ber-

hak bertanya Dr Mahathir, kenapa anak beliau Mirzan Mahathir menjadi Pengerusi Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) sedangkan negara ada Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)?

Hakikatnya apa salahnya Yayasan Budi Penyayang yang menjalankan kerja amal seiringan dengan Bakti. Bukankah lebih banyak organisasi amal lebih baik?

Seorang Ketua Bahagian Umno pula bertanya mengapa penangguhan Perhimpunan Agung Umno pun dipersoalkan? "Takkan Dr Mahathir tak tahu bahawa itu keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno? Itu bukan keputusan peribadi Presiden Umno".

Seorang sarjana sains politik memberi komen mengenai kenyataan Dr Mahathir bahawa beliau melobi Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri. "Itu taktik lama Dr Mahathir. Itu taktik pecah dan perintah. Melesetlah fikiran Dr Mahathir kalau niatnya buat kenyataan itu untuk melaga-lagakan Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri.

Takkan Dr Mahathir tak tahu hubungan Abdullah dan Najib bagaikan isi dengan kuku, bagaikan air dicincang, tidak akan putus?" Kata beliau lagi; "Tentu Dr Mahathir sedia maklum, Perdana Menteri ada pasukan penyelidik profesional yang memberi maklum balas, data dan fakta berkaitan persepsi rakyat, isu semasa, kepemimpinan dan ketokohan prestasi pemimpin utama dalam Umno. Tentulah Perdana Menteri merujuk kepada input saintifik dan objektif sebelum membuat keputusan.

Tidak mustahil Perdana Menteri memilih Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri selepas merujuk kepada data dan fakta berkaitan siapa tokoh yang paling layak dan yang paling dikehendaki oleh rakyat menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Tidakkah Dr Mahathir ingat bahawa beliau pernah memuji pasukan penyelidik profesional itu ketika mereka beri taktik kepada beliau mengenai peratus populariti beliau sebelum beliau umumkan persaraan? Waktu itu Dr Mahathir berkata: "Inilah kali pertama saya dapat maklum balas politik secara saintifik dengan peratusan yang tepat dan bukannya secara lebih kurang atau agak-agak". Demikian pandangan panjang lebar sarjana sains politik itu.

Kesimpulannya, rakyat tentu akan bertanya apakah dengan menyatakan beliau melobi Najib jadi Timbalan Perdana Menteri, maka Dr Mahathir hendak membuat pengakuan bahawa pada zaman beliau menjadi Perdana Menteri, nak apa saja lobi, nak projek mega lobi, nak jawatan lobi?

Apapun Dr Mahathir perlu sedar bahawa

kenyataan, Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein bahawa Pemuda Umno mula muak dan meluat dengan gelagat Dr Mahathir adalah sentimen yang dikongsi oleh semakin ramai rakyat jelata.

Malah, rakyat sudah semakin tegas mengeluarkan pelbagai komen. Di kedai kopi dan di kampung, ada rakyat yang menyatakan "Dulu zaman Dr Mahathir kita ikut Dr Mahathir, tapi ini zaman Pak Lah jadi Perdana Menteri, kita ikut Pak Lah lah".

Komen di kalangan profesional muda pula; "Nampaknya Dr Mahathir seolah-olah insan yang tidak ada cacat cela, sangat bersih dan tidak ada buat silap, betulkah? Kalau begitu eloklah kerajaan menubuhkan Panel Penilaian Integriti Dr Mahathir untuk mengkaji segala aspek kepemimpinan Dr Mahathir selama 20 tahun sebagai Perdana Menteri. Panel ini sewajarnya teliti segala keputusan yang Dr Mahathir buat dan nilai tahap integritinya sama ada bebas dari gejala rasuah, kronisme dan nepotisme:

Perlu juga dinilai sama ada keputusan dan dasar Dr Mahathir mengutamakan atau merugikan negara dan sejauh mana pembabitan anak dan ahli keluarga beliau di dalam bisnes yang berkaitan dengan kerajaan. Kalau betul-betul integriti beliau tidak ada cacat celanya, kita tabiklah". Demikian pandangan profesional muda.

Dalam rakyat bertanya-tanya mengapa Dr Mahathir sudah hilang pertimbangannya mengenai apa yang beliau mampu capai dalam 22 tahun sebagai Perdana Menteri berbanding apa yang beliau mahu Pak Lah capai dalam tempoh tiga tahun sebagai Perdana Menteri. Namun, rakyat masih belum putus harapan untuk melihat Dr Mahathir kembali sebagai negarawan terhormat. Seorang bekas Perdana Menteri yang sama hebatnya seperti Bill Clinton, bekas Presiden Amerika yang giat menjalankan kerja amal di serata dunia.

Rakyat akan sentiasa berdoa agar tiba masanya Dr Mahathir membuang yang keruh mengambil yang jernih sambil merealisasikan kata pepatah biduk berlalu kiam bang bertaut

Memanglah bersara itu sukar untuk seseorang yang dulunya meriah dikompaung ke sana sini dan tangannya selalu dicium rakyat. Tapi realitinya, kalau dibuat kajian saintifik mengenai persepsi rakyat terhadap apa sepatutnya Dr Mahathir buat sekarang, tentunya majoriti akan berkata teruskanlah persaraan dan berehatlah.

Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif adalah Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu (YKSM)